

Buka pusat jagaan warga emas

Ringankan beban kewangan pasangan muda yang perlu menjaga ibu bapa uzur

SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

JOHOR BAHRU – Yayasan Bandaraya Johor Bahru (YBJB) akan membangunkan sebuah taska jagaan kanak-kanak dan sebuah pusat jagaan dan rawatan warga emas menerusi peruntukan RM2 juta disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pengerusi YBJB, Tan Sri Shahrir Abd Samad berkata, kedua-dua pusat jagaan itu bertujuan meringankan beban kewangan pasangan muda yang perlu menanggung kos upah pengasuh atau terpaksa berhenti bekerja bagi menjaga ibu bapa yang sakit.

Katanya, pihaknya sedang mencari lokasi bersesuaian bagi membangunkan kedua-dua pusat jagaan itu yang akan dikendalikan YBJB

INFO

● YBJB akan menganjurkan Kejohanan Golf Amal 2017 bagi mengumpul dana Tabung Kemiskinan Bandar pada 14 Oktober.

dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO).

“Pada peringkat permulaan kita akan bangunkan sebuah pusat jagaan kanak-kanak dengan kapasiti antara 20 kanak-kanak dan tiga bayi yang diasuh oleh empat atau lima pengasuh bersama pegawai terlatih dari YBJB.

“Manakala pusat jagaan warga emas berkonsep seperti pusat jagaan harian khusus untuk warga emas

yang terlantar supaya keluarga mereka atau anak-anak tidak perlu berhenti bekerja dan ada tempat untuk menjaga ibu bapa ketika mereka bekerja,” katanya.

Shahrir berkata, pusat jagaan itu terbuka kepada semua penduduk se-



Shahrir (tiga, kanan) bersama Datuk Bandar MJB, A Rahim Nin (kemeja biru) ketika melancarkan promosi Kejohanan Golf Amal 2017 di Bangunan MJB, semalam.

kitar bandaraya ini khususnya bagi golongan B40 dengan kadar bayaran minima dan mendapat subsidi yayasan berkenaan.

Dalam pada itu katanya, YBJB akan turut menganjurkan Kejohanan Golf Amal 2017 bagi mengumpul dana Tabung Kemiskinan Bandar untuk menjalankan pelbagai program bantuan untuk golongan ku-

rang bermaslah.

“Kejohanan ini sudah dianjurkan sejak 2015 dan berjaya mengumpul dana kira-kira RM472,000 manakala sejumlah RM243,000 berjaya dikumpul dalam kejohanan tahun lalu.

“Kesemua dana disumbangkan kepada NGO kebajikan yang beroperasi sekitar bandaraya ini dan

kita menasaskan kutipan antara RM250,000 hingga RM300,000 dalam kejohanan tahun ini,” katanya.

Shahrir berkata, kejohanan itu dijadual berlangsung pada 14 Oktober di Le Grandeur Palm Resort, Senai dan orang ramai atau badan korporat yang berminat menyertai kejohanan itu boleh YBJB di talian 07-2248950.



Sinar Harian 28/8/17